

Basmi setinggalan bukan penindasan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pihak yang mendakwa tindakan kerajaan membersihkan kawasan setinggalan di sekitar bandaraya sebagai penindasan harus menerima Kuala Lumpur dengan keadaan yang dipenuhi setinggalan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak berniat menindas sesiapa tetapi ia perlu tegas dalam membersihkan bandaraya.

"Kalau kita anggap sebarang tindakan

untuk membersihkan kawasan setinggalan sebagai penindasan, kita harus terima Kuala Lumpur adalah kawasan yang dipenuhi dengan setinggalan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Khas Pembangunan Kuala Lumpur di sini, hari ini, beliau berkata, ada sesetengah negara yang membenarkan pembinaan bangunan tanpa mengikut peraturan.

"Negara itu menganggap kalau kita mengenakan paksaan dan peraturan, ini dianggap penindasan. Kita bukan hendak menindas tetapi kalau kita mahu hidup secara teratur, kita perlu menerima bahawa tindakan perlu diambil," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, apabila tindakan dilaksanakan, pihak tertentu, khususnya akhbar, akan menunjukkan gambar pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seolah-olah kejam.